

08 JAN 1997

Mahathir-Jepun

MALAYSIA MAHU JEPUN BANTU ADAKAN DIALOG LEBIH KERAP ANTARA G-15 DAN G-7

KUALA LUMPUR, 8 Jan (Bernama) -- Malaysia telah meminta Jepun membantu untuk mengadakan forum yang lebih kerap antara kumpulan negara membangun G-15 dengan G-7 mengenai isu-isu yang akan memberi kesan kepada Dunia Ketiga.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata perkumpulan tujuh negara maju G-7 sering kali membuat keputusan-keputusan untuk kepentingan mereka sendiri tanpa mengambil kira pendapat negara-negara G-15.

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri, negara-negara G-7 mahu terlibat dengan isu-isu seperti pengukuhan mata wang yen yang telah meningkatkan paras hutang.

Beliau menjelaskan kenaikan yen telah menyebabkan pinjaman dalam mata wang Jepun meningkat dan ini memberi kesan kepadaimbangan pembayaran Malaysia.

Demikian dinyatakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohamed ketika memberi taklimat kepada media mengenai hasil perbincangan dua hala antara Dr Mahathir dan rakan sejawatan Jepunnya Ryutaro Hashimoto di pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Kadir berkata Dr Mahathir meminta bantuan Jepun dalam hal ini kerana negara itu ialah anggota perkumpulan tujuh negara maju itu.

Hashimoto tiba di sini hari ini dalam rangka lawatannya ke lima negara Asia Tenggara.

Malaysia, yang sekarang mempengerusikan G-15, akan menjadi tuan rumah kepada mesyuarat perkumpulan itu akhir tahun ini.

Kadir berkata perminta Dr Mahathir supaya forum yang lebih kerap diadakan antara kedua-dua perkumpulan itu hanyalah sebagai mewakili anggota-anggota G-15 yang lain.

"Bagaimanapun mekanisme mengenai cara forum itu dijalankan tidak dibincangkan hari ini. Ianya akan dibincangkan di lain kali. Hari ini, Dr Mahathir hanya memberi idea kepada Perdana Menteri Jepun itu untuk membantu G-15 mengadakan forum dengan G-7," katanya.

Kadir berkata walaupun cadangan dialog dengan G-7 bukan sesuatu yang baru, belum ada format yang wajar bagaimana memulakannya.

Beliau yakin Jepun akan menyampaikan permintaan Malaysia itu kepada semua anggota G-7 yang lain.

"Perdana Menteri telah menekankan bahawa pada masa depan apabila G-7 membuat apa-apa keputusan yang akan memberi kesan kepada Dunia Ketiga, pendapat dan kebimbangan negara-negara membangun perlu diberi pertimbangan.

"Beliau berkata keputusan-keputusan G-7 sering kali membawa beban kepada negara-negara membangun," katanya.

Mengenai Rundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), Kadir berkata perkara itu tidak dibincangkan tetapi Dr Mahathir telah menekankan perlunya negara-negara Asia timur berkumpul untuk berbincang dan bertukar-tukar fikiran.

Kadir berkata Malaysia akan meneruskan Dasar Pandang ke Timurnya walau ia kadang-kadang melihat ke barat dalam beberapa bidang.

"Dasar Pandang ke Timur masih hidup segar dan Perdana Menteri berharap Jepun dapat mengambil lebih banyak pelajar dari Malaysia," katanya.

Kadir juga berkata Perdana Menteri Jepun itu menyokong konsep ASEAN 10 walaupun terdapat sesetengah rakyat Jepun yang memandang berat dengan kedudukan hak asasi manusia di Myanmar.

"Kedua-dua pemimpin bercakap mengenai Myanmar menyertai Asean dan Dr Mahathir menjelaskan rasional ASEAN 10 dan perdana menteri Jepun itu telah memberi tindak balas yang positif," tambahnya.

Mengenai cadangan Jepun supaya diadakan sidang kemuncak Jepun-Asean yang lebih kerap, Kadir berkata walaupun pemimpin Jepun membangkitkan perkara itu dengan menekankan perlunya pertemuan sedemikian, Dr Mahathir tidak memberi tindak balas sehalu.

"Kita tidak mahu memberi tekanan berlebihan kepada cadangan itu...apabila ia melibatkan negara-negara Asean, kita tidak boleh memberi tindak balas sehalu kepada perkara sepenting itu," katanya.

Kadir juga berkata kedua-dua pemimpin itu juga bertukar-tukar fikiran mengenai keselamatan serantau terutamanya mengenai China.

Katanya dalam hal itu Dr Mahathir berkata beliau percaya dasar persahabatan adalah lebih baik dari pengawalan dan tidak apa yang boleh menghalang China dari maju dan menjadi kuat. -- BERNAMA

ARA WAT